

Keluaran Bil. 82 (Januari - Jun 2019)

BULETIN

# JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA

Syariah Judiciary Department Malaysia



Blok C, Kompleks Islam Putrajaya, No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman,  
Presint 3, 62100 PUTRAJAYA, MALAYSIA ☎ 03-8870 9200 📠 03-8870 9500



## PERALIHAN TERAJU JKSM YANG BARU YAA DATO' DR. HAJI MOHD NA'IM BIN MOKHTAR



# DARI KETUA PENGARANG

## 8 Prinsip Pemangkin Kecemerlangan Penjawat Awam

8 prinsip yang telah digariskan oleh YAB Perdana Menteri yang perlu diikuti oleh penjawat awam untuk menambah baik lagi perkhidmatan kepada rakyat. Kelapan-lapan prinsip ini akan dapat meningkatkan lagi prestasi penjawat awam dalam meningkatkan produktiviti dan sumbangan penjawat awam ke arah pembangunan negara.

1. Berilmu – Penjawat awam hendaklah memastikan mereka sentiasa berilmu pengetahuan, kreatif, inovatif dan mampu menjadi ‘figura contoh’ kepada masyarakat.
2. Kebolehpercayaan – meliputi sifat jujur, amanah, integriti dan diyakini serta mempunyai nilai-nilai murni sejagat yang dipercayai oleh masyarakat.
3. Budaya Amalan Kerja Terbaik – amalan kerja terbaik adalah cerminan kewibawaan bagi penjawat awam. Penjawat awam harus bersungguh dan sentiasa serius dalam pekerjaan, fokus, disiplin, tepati masa dan mempunyai kemahiran serta kompetensi tinggi supaya dilihat sebagai suatu kumpulan yang dinamik, progresif dan berupaya mendepani keluk.
4. Semangat Patriotik – Penjawat awam harus mempunyai perasaan mencintai dan memiliki perjuangan patriotik memartabatkan negara.
5. Budaya keberhasilan yang berteraskan outcome based – budaya ini penting bagi meningkatkan mutu dan kualiti kerja yang bersandarkan kepada petunjuk prestasi utama (KPI) dalam menghasilkan prestasi kerja yang unggul dan cemerlang.
6. Budaya Kreativiti dan Inovasi – Penjawat awam perlu menampilkan pelaksanaan tugas yang lebih kreatif dan inovatif bagi menyahut cabaran untuk memenuhi jangkaan rakyat yang semakin bertambah kompleks, pelbagai dan sentiasa berubah.
7. Nilai Tambah dan Kompetensi – penjawat awam yang berkompentensi mempunyai nilai tambah yang tinggi.
8. Pemuafakatan Kerja – Penjawat awam harus meninggalkan amalan bekerja secara *silo*. Semua pihak perlu berurusan secara muafakat, saling bahu membahu dan bukannya bekerja dalam *silo* atau lohong masing-masing.

\*\*\*\*\* *Hajjah Noor Hadina Ahmad Zabidi* \*\*\*\*\*

### REDAKSI

Penaung/Penasihat

YAA Dato’ Dr. Haji Mohd Na’im bin Mokhtar  
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM

Ketua Pengarang

Puan Hajjah Noor Hadina binti Ahmad Zabidi  
Ketua Pendaftar JKSM

#### Sidang Pengarang

Abdul Halim Abdullah  
Norul Aina Binti Bahari  
Hj. Azmee bin Hj. Hussin

#### Edaran / Produksi

Hariani Binti Mohamad  
Siti Noratina Binti Osman  
Mohd Suhaimi Bin Mohamed

# PERUTUSAN

YANG AMAT ARIF  
DATO' DR. HAJI MOHD NA'IM BIN MOKHTAR  
KETUA PENGARAH/ KETUA HAKIM SYARIE /  
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA



السَّلَامَةُ عَلَيْنَا وَعَلَىٰ مَنْ رَحِمَهُ اللَّهُ وَبَرَكَاتُهُ

Terlebih dahulu saya melahirkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah SWT di atas lumpah kurnia-Nya juga dapat memberi ruang dan peluang kepada saya untuk menukikan perutusan sulung di dalam Buletin JKSM pada keluaran ini.

Sempena pelantikan saya selaku Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM yang keempat mulai 1 April 2019 lalu, sukacita saya mengambil kesempatan di sini untuk menyeru kepada seluruh warga kerja JKSM supaya dapat beekerja bersama-sama saya untuk meneruskan visi dan misi JKSM yang telah dibina dengan jayanya sebelum ini. Sebagai insan kerdil, tentunya saya tidak dapat berupaya memikul tanggungjawab memelihara JKSM secara sendirian tanpa dibantu secara kolektif bukan sahaja melibatkan seluruh warga kerja JKSM malah seluruh warga kerja Jabatan Kehakiman Syariah Negeri-negeri yang turut membawa visi dan misi yang sama. Inshaallah segala gerak kerja dapat diteruskan dengan baik dan berkesan pada masa akan datang.

Dalam kesempatan ini juga, sukacita saya menarik perhatian semua warga kerja JKSM khususnya supaya sentiasa mengamalkan budaya kerja cemerlang berlandaskan nilai-nilai murni dalam syariah Islam terutama sikap amanah dan berintegriti kerana kedua-duanya merupakan tonggak utama kepada kejayaan setiap individu dan organisasi. Sekali pun seseorang warga kerja itu seorang yang rajin dan progresif namun jika tiada sikap amanah dan integriti maka akan rosaklah segala kerja-kerja kebaikan yang diusahakan. Oleh itu, saya di sini menyarankan supaya nilai-nilai penting ini dapat dijadikan nilai diri kita semua tidak kira waktu kita bertugas mahu pun di luar tugas. Inshaallah setiap daripada kita akan menjadi insan cemerlang di dunia dan di akhirat.

Saya berdoa semoga kita semua sentiasa dirahmati dan diberkati Allah SWT. Amin

Sekian, terima kasih. Wassallam.

**(YAA DATO' DR. MOHD NA'IM BIN MOKHTAR)**

## Aktiviti Promosi JKSM di Terminal Bersepadu Selatan (TBS) pada 14 dan 15 Januari 2019



## Lawatan Pelajar Syukbah Syariah Semester 6 Program Diploma Tahfiz Al-Quran Darul Quran ke Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia pada 9 Januari 2019 bersamaan 3 Jamadilawal 1440H (Rabu)




## Kunjungan Hormat YAA Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM dengan YBhg. KSN

Kunjungan hormat YAA Dato' Haji Mukhyuddin Ibrahim, Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan Puan Noor Hadina Ahmad Zabidi, Ketua Pendaftar, JKSM ke atas Datuk Seri Ismail Bakar, Ketua Setiausaha Negara, pada 11 Januari 2019. Tujuan kunjungan hormat adalah untuk menyampaikan maklumat berkaitan kedudukan dan isu semasa JKSM kepada KSN.



## Majlis Tazkirah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia pada 18 Januari 2019

Tazkirah telah disampaikan oleh Ustaz Umar Mukhtar bin Mohd Noor, Penolong Mufti, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan dengan mengulas Tafsir Ayat 119 Surah al-Nisa'. JKSM turut mengambil kesempatan di majlis ini dengan menyerahkan surat pengesahan jawatan Gred L548 kepada 2 pegawai iaitu Tuan Haji Mohamad Shahidan bin Abdul Ghapar dari JAPENS dan Tuan Abdul Halim bin Abdullah dari BPSMP disampaikan oleh Ketua Pendaftar JKSM, Puan Hajah Noor Hadina binti Ahmad Zabidi



## Bengkel Keperluan Pengguna Fasa 3, Projek Transformasi E-Syariah Versi 3

JKSM dengan kerjasama pihak MIMOS telah menganjurkan Bengkel Keperluan Pengguna Fasa 3, Projek Transformasi E-Syariah Versi 3 di Dorsett Putrajaya pada 16 dan 17 Januari 2019. Tujuan bengkel adalah untuk mendapatkan maklumbalas dan penambahbaikan pembangunan Prototaip Release 0.4 dan pembangunan modul e-Aduan. Peserta bengkel kali ini terdiri daripada wakil-wakil bagi setiap negeri yang terdiri daripada Ketua Pendaftar, pendaftar, penolong pendaftar, pegawai BSK dan Pegawai ICT.



## Kunjungan Hormat ke Jabatan Mufti WP

Lawatan kunjung hormat delegasi JKSM ke atas Mufti Wilayah Persekutuan pada 29 Januari 2019 di Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. Delegasi JKSM diketuai oleh Ketua Pendaftar JKSM Puan Hajjah Noor Hadina Binti Ahmad Zabidi Pengarah BPSMP Puan Haznita Binti Hj Hamidon, Pengarah BDP Tuan Che Saupi Bin Che Husin dan pegawai dari Bahagian Dasar dan Penyelidikan JKSM. Tujuan kunjung hormat adalah bagi membincangkan cadangan SOP dalam penentuan status agama.



**Aktiviti Promosi JKSM di UTC Sentul pada 25 hingga 26 Februari 2019  
anjuran Unit Komunikasi Korporat JKSM bersama Bahagian Sokongan Keluarga JKSM**



**WACANA KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE JKSM TAHUN 2019**

Putrajaya, 12 Februari - Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia telah mengadakan Majlis Wacana Ketua Pengarah JKSM bagi tahun 2019, pada 12 Februari 2019 bertempat di Dewan Utama, Kementerian Kewangan Malaysia, Putrajaya. Majlis yang penting ini merupakan acara tahunan bagi Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. Menerusi program seumpama ini Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM akan menyampaikan amanat awal tahunnya yang antaranya meliputi aspek pengurusan, imej organisasi dan warga kerja.

Majlis ini telah dihadiri oleh Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Pengarah-pengarah Cawangan dan pegawai-pegawai kanan JKSM, Y.A.A. Ketua-ketua Hakim Syarie Negeri, Y.A. Hakim-hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Ketua-ketua Pendaftar dan Pendaftar Mahkamah-mahkamah Syariah serta Pegawai-pegawai Syariah yang berkhidmat di lain-lain agensi dan Jabatan Kerajaan di peringkat persekutuan dan negeri. Selepas pembentangan ucapan, majlis diteruskan dengan penyampaian anugerah bagi kategori berikut:

1. Anugerah Pemantauan Pematuhan Arahan Amalan 2018
2. Anugerah Pegawai Tamat Pengajian Ijazah (MA) dan Doktor Falsafah (PhD) Tahun 2018
3. Anugerah Penggunaan Terbaik e-faraid bagi Kategori Hakim/Pembantu Hakim/Jabatan

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perlis telah mendapat 4 bintang bagi Anugerah Pemantauan Pematuhan Arahan Amalan 2018 dan juga Anugerah Penggunaan Terbaik e-faraid bagi Kategori Jabatan. Tahniah diucapkan kepada semua warga Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perlis.



## Kunjungan Hormat ke Pejabat Mufti Negeri Sembilan

Lawatan kunjung hormat delegasi JKSM ke Pejabat Mufti Negeri Sembilan pada 07 Februari 2019. Delegasi JKSM diketuai oleh Ketua Pendaftar JKSM Puan Hajjah Noor Hadina Binti Ahmad Zabidi, Pengarah BPSMP, Puan Hasnita Binti Hj Hamidon, Pengarah BDP, Tuan Che Saupi Bin Che Husin dan pegawai dari Bahagian Dasar dan Penyelidikan JKSM. Tujuan kunjung hormat adalah bagi membincangkan cadangan SOP dalam penentuan status agama.



## MULTAQA AKBAR PANEL PENTASHIH PENTERJEMAHAN NAS SYARAK JKSM

YAA Dato' Haji Mukhyuddin bin Ibrahim, Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM mempengerusikan Multaqa Akbar siri-1 pada 19-21 Februari 2019 di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan. Multaqa ini juga dihadiri oleh YAA Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan Tuan Abas bin Nordin dan YA Hakim-Hakim Rayuan Syarie JKSM. Multaqa yang dianjurkan oleh Bahagian Dasar dan Penyelidikan JKSM dengan kerjasama JKS Negeri Sembilan ini berlangsung selama 3 hari bertujuan untuk menyemak dan mentashih transliterasi kitab Furu' al-Masail dari teks jawi ke tulisan rumi khusus dalam bab talak sebagai bahan rujukan dan bacaan tambahan kepada seluruh Pegawai Syariah demi meningkatkan kefahaman dalam isu-isu perceraian di Mahkamah Syariah.





## Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia pada 15 Februari 2019

Perhimpunan kali ini dihoskan oleh PUSPANITA JKSM dimulakan dengan Majlis Bacaan Yasin khusus kepada arwah Nik Farah Amira, bekas kakitangan JKSM dan exco PUSPANITA yang telah kembali ke rahmatullah pada 6 Februari 2019 yang lalu. Seterusnya sesi perkongsian ilmu telah disampaikan oleh Datin Nur Zarina Binti Md. Janis, Konsultan Imej Profesional Bertauliah dengan tajuk: "*Anggun Bergaya Wanita Bekerjaya*". JKSM turut mengambil kesempatan di majlis ini dengan menyerahkan surat kenaikan pangkat Pegawai Teknologi Maklumat dan komunikasi Gred F 44 kepada 2 orang pegawai iaitu Encik Ahmad Zuhair Bin A. Mubin dari JAKESS dan Encik Mahadi Bin Zainal dari JKSN Perak. Selain itu, JKSM juga berkesempatan menyampaikan cenderahati kepada 3 orang kakitangan yang akan bertukar ke jabatan lain iaitu Encik Badrul, Puan Hazida dan Puan Emy Raihayu.



Satu Mesyuarat Keperluan Akses eSyariah Versi 3 antara JKSM bersama Pejabat Tanah Galian Negeri Johor dan JKSN Johor telah di adakan pada 10 Februari 2019 bertempat di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor. Mesyuarat dipengerusikan oleh Ketua Pendaftar JKSN Johor, Tuan Shahul Hamid manakala wakil JKSM diketuai oleh Tuan Adam Tumiran, Pengarah BPKR, JKSM.



## MAC

Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) JKSM telah diadakan pada 8 Mac 2019 bertempat di Ruai Inap @ Grand Puteri Hotel Bangi



Aktiviti Promosi JKSM di UTC Keramat KL pada 11 hingga 12 Mac 2019 anjuran Unit Komunikasi Korporat JKSM bersama Bahagian Sokongan Keluarga JKSM



## Majlis Bacaan Yaasin Bulanan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia pada 22 Mac 2019

Perhimpunan kali ini dihoskan oleh Unit Integriti JKSM dan sesi perkongsian ilmu telah disampaikan oleh penceramah jemputan daripada Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Tuan Mohamad Hanif Bin Omar, dengan tajuk: “Masalah Penagihan Dadah dikalangan Penjawat Awam”



## Majlis Pelancaran Buku Tanfiz al-Hukmi

Majlis Pelancaran Buku “*Tanfiz al-Hukmi, BSK : Naratif Baharu Pelaksanaan Perintah Mahkamah Syariah di Johor*” pada 7hb Mac 2019 bertempat di Dewan Muzakarah, Aras 7, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor yang telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato’ Haji Azmi bin Rohani, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor.







## Kunjung Hormat BSK JKSM ke KWSP

Program Kunjung Hormat BSK JKSM ke Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pada 12 Mac 2019 di KWSP Kuala Lumpur. yang diketuai oleh Tuan Shamsuddin bin Husain, Pengarah BSK JKSM. Turut hadir wakil daripada Bahagian Syariah & Pengharmonian Undang-Undang, Jabatan Peguam Negara.



## Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia pada 15 Mac 2019

Perhimpunan kali ini dihoskan oleh BTMK JKSM dan sesi perkongsian ilmu telah disampaikan oleh Puan Saadiah Binti Ariffin, dengan tajuk: "MyGovUC". JKSM turut mengambil kesempatan di majlis ini dengan menyerahkan surat kenaikan pangkat Pegawai Syariah Gred LS54 dan LS44. Akhir sekali, majlis diakhiri dengan amanat khas YAA Dato' Haji Mukhyuddin Bin Haji Ibrahim, Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie, JKSM yang akan tamat kontrak pada 17 Mac 2019. Seluruh warga JKSM mengucapkan jutaan terima kasih kepada YAA Dato' atas khidmat bakti yang diberikan sepanjang beliau berada di JKSM.



**SESI *CLOCK-OUT* YAA DATO' HJ. MUKHYUDDIN IBRAHIM,  
KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA**

Satu sesi *clock-out* khas bagi mengiringi perjalanan hari terakhir YAA Dato' Haji Mukhyuddin bin Haji Ibrahim Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM telah diadakan pada 15 Mac 2019 (Jumaat) jam 4.30 petang bertempat di Lobi Aras 1, JKSM. Semoga segala jasa dan legasi peninggalan oleh YAA Dato' kepada Jabatan ini menjadi suatu inspirasi bagi kelestarian pembangunan perundangan syariah pada masa hadapan.



## KENYATAAN MEDIA PERLANTIKAN KETUA PENGARAH JKSM

PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
26 MAC 2019

Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri merakamkan setinggi tahniah di atas pelantikan Yang Amat Arif (YAA) Dato' Dr Mohd Na'im Mokhtar sebagai Ketua Pengarah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) yang baharu. YAA Dato' Dr Mohd Na'im sebelum ini menjawat jawatan sebagai Hakim Mahkamah Rayuan JKSM dan sebelum itu sebagai Ketua Hakim Syarie di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor (JAKESS) dan pengarah Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

Sedikit latar belakang beliau, YAA Dato' Dr Mohd Na'im pernah menganggotai Panel Majlis Perundingan Islam serta menjadi ahli Jawatankuasa Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Beliau juga pernah dilantik sebagai profesor adjung oleh Fakulti Undang-undang Universiti Teknologi Mara (UiTM) pada tahun 2012. Kepakaran beliau turut diperakui dunia luar apabila dilantik sebagai Cheavening Felo Pelawat Malaysia di Oxford Centre For Islamic Studies, Universiti Oxford, United Kingdom bagi tahun 2008/2009, Felo Pelawat di Harvard Law School, Universiti Harvard, Amerika Syarikat dan berkhidmat di Universiti Harvard pada Februari 2013 sehingga Mei 2013.

Beliau memulakan kerjaya sebagai pensyarah undang-undang di UIAM pada 1990 hingga 1997 dan selepas itu, beliau menjadi peguam syarie di Negeri Sembilan, Melaka dan Wilayah Persekutuan serta menjadi peguambela dan peguamcara Malay pada tahun 1997 hingga 1998.

Beliau juga pernah dilantik sebagai Hakim Mahkamah Syariah Daerah Petaling sehingga tahun 2001, Hakim Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur dari tahun 2001 sehingga 2003 dan menjadi pendakwa syarie kanan di Jabatan Wilayah Persekutuan Agama antara tahun 2007-2008.

YAA Dato' Dr Mohd Na'im juga menganggotai beberapa Lembaga Penasihat Syariah Bank-bank Islam tempatan dan luar negara serta beberapa syarikat takaful.

Tahniah YAA Dato' Dr Mohd Na'im di atas pelantikan ini. Semoga JKSM terus cemerlang dan efisien di bawah pentadbiran beliau.

PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
26 MAC 2019



# Cabaran kepimpinan baharu JKSM



Salleh Buang

**J**ABATAN Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) ditubuhkan 21 tahun lalu. Ketika itu, JKSM hanya ada 15 orang warga kerja, terdiri dari Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie (KP/KHS) dan pegawai sokongan lain. Kini warga kerjanya melebihi 370 orang.

Dalam tempoh dua dekad ini, JKSM dipimpin oleh tiga individu yang pada satu masa dulu pernah menjadi 'pelajar' sewaktu saya berkhidmat sebagai Timbalan Dekan di Universiti Islam Antarabangsa (UIA) Petaling Jaya.

Ketika itu mereka mengikuti program Diploma Pentadbiran Kehakiman Islam (DAII) selama dua tahun di universiti tersebut. Program ini kekal hingga sekarang dan menjadi satu pra-syarat penting untuk melayakkan seorang itu dilantik menjadi Hakim Mahkamah Syariah di negara ini.

Tiga individu yang pernah memimpin JKSM dalam tempoh dua dekad ini adalah Tan Sri Sheikh Ghazali Ab. Rahman (1998 hingga 2010), Tan Sri Dr. Ibrahim Lembut (2010 hingga 2017) dan Datuk Mukhyuddin Ibrahim (2017 hingga 17 Mac 2019).

Saya mula kenal Sheikh Ghazali sewaktu beliau menjadi Ketua Hakim Syarie Wilayah Persekutuan dan sewaktu beliau mengikuti program DAII itu. Apabila kemudian dilantik menjadi KP/KHS JKSM, beliau telah memperkenalkan satu program latihan bersiri di seluruh negara agar semua warga kerja mahkamah syariah berpeluang mendapatkan kefahaman mengenai enam undang-undang baru yang diperkenalkan oleh kerajaan.



Tiga individu yang pernah memimpin JKSM dalam tempoh dua dekad ini adalah Tan Sri Sheikh Ghazali Ab. Rahman (1998 hingga 2010), Tan Sri Dr. Ibrahim Lembut (2010 hingga 2017) dan Datuk Mukhyuddin Ibrahim (2017 hingga 17 Mac 2019).\*



SHEIKH GHAZALI

Saya sering diundang mengendalikan program latihan ini selama beberapa tahun sehinggalah saya berhijrah ke Alor Setar pada tahun 1996.

Kebaikan dan keberkesanan program latihan ini diiktiraf oleh Kerajaan Brunei.

Pada satu ketika saya telah diundang oleh kerajaan itu selama enam kali untuk mengendalikan bengkel kemahiran yang serupa untuk Hakim-Hakim Mahkamah Syariah di negara itu.

Saya mula kenal Ibrahim ketika beliau mengikuti program DAII di UIA dulu. Pada ketika itu beliau adalah s Pendakwa Syarie di Melaka.

Selepas tamat pengajiannya di UIA, beliau dilantik menjadi hakim dan seterusnya naik pangkat sehinggalah ke peringkat Hakim Mahkamah Rayuan di JKSM Putrajaya. Ini berlaku kerana Melaka menjadi salah satu dari lima negeri (selain Wilayah Persekutuan) yang sebumbung di bawah JKSM.

Apabila Sheikh Ghazali bersara, tempatnya diisi oleh Ibrahim kerana beliau merupakan orang yang paling kanan selepas Sheikh Ghazali.

Sewaktu memimpin JKSM selama tujuh tahun, Ibrahim telah menubuhkan Bahagian Sokongan Keluarga



MOHD. NAIM MOKHTAR

(BSK) yang berperanan penting membantu isteri-isteri dan anak-anak dalam memaksa suami/bapa melaksanakan perintah nafkah Mahkamah Syariah.

Saya mula kenal Mukhyuddin sewaktu beliau mengikuti program DAII di UIA itu dan kemudian menjadi Hakim syarie di Selangor.

Sewaktu Mahkamah Syariah Selangor dipimpin oleh KHS Datuk Johdi Toha, saya kerap diundang oleh beliau mengendalikan bengkel kefahaman undang-undang di negeri itu dan waktu itulah saya sempat berkenalan rapat dengan ramai warga kerja mahkamah syariah di negeri itu.

Minggu lalu, media melaporkan bahawa Datuk Dr. Mohd. Naim Mokhtar (berusia 51 tahun) dilantik sebagai KP/KHS JKSM yang keempat, mulai 1 April 2019 ini.

Beliau pernah menyandang jawatan Ketua Hakim Syarie Selangor dan kemudian Hakim Mahkamah Rayuan JKSM di Putrajaya. Beliau pernah dilantik profesor adjuv Fakulti Undang-undang Universiti Teknologi Mara (UTM) pada 2012.

Jika tiga orang pendahulunya mempunyai latar belakang syariahi sahaja, anak jati Kampung Baru, Kuala Lumpur ini punyai latar belakang



MUKHYUDDIN IBRAHIM

syariahi dan undang-undang sivil. Mohd. Naim adalah graduan UIA dalam jurusan undang-undang (LL.B.) sebelum memulakan kerjayanya sebagai tenaga pengajar di universiti tersebut dari 1990 hingga 1997.

Selepas itu beliau meneruskan pengajiannya di peringkat sarjana (LL.M.) di Universiti London, sebelum akhirnya di peringkat kedoktoran di UKM, Bangi.

Beliau fasih dalam bahasa Melayu, Arab dan Inggeris, dan mampu berinteraksi dengan semua pihak di persada dunia. Ketokohan beliau dalam bidang kehakiman Islam turut diiktiraf oleh dunia luar.

Beliau pernah dilantik sebagai Chevening Felo Pelawat Malaysia di Oxford Centre for Islamic Studies, United Kingdom (hagi 2008/2009), dan Felo Pelawat di Harvard Law School (Mei 2012 hingga Februari 2013). Selain itu, beliau pernah diundang beberapa kali oleh kerajaan Arab Saudi.

Jumaat lalu saya menghubungi Mohd. Naim bertanyakan visinya bagi JKSM di masa depan. Pada hari itu beliau berada di Papua New Guinea untuk membentangkan satu kertas kerja dalam Persidangan Mediasi dan Timbangtara Antarabangsa atas



IBRAHIM LEMBUT

undangan kerajaan tersebut. Katanya, dia mahu bangun sumber manusia JKSM yang cemerlang dan mempunyai minda yang dinamik.

Cantik mana sekalipun usaha reformasi yang hendak dilakukan, andainya mindset warga kerja JKSM masih di takuk lama, satu perubahan yang signifikan sukar dilakukan, tegasnya.

Bila saya tanya lagi apakah cabaran besar yang akan dihadapinya nanti, beliau menjawab "persepsi negatif masyarakat terhadap mahkamah syariah".

Baginya, JKSM tidak boleh lagi bertindak *in silo* (bersendirian), sebaliknya mesti membina kerjasama dengan semua pihak berkepentingan, termasuklah media.

Saya setuju bahawa isu persepsi negatif rakyat perlu ditangani segera. Pada awal Mei 2018 lalu portal berita *Malaysiakini* melaporkan ada beberapa hakim syarie terlibat dalam usaha seorang menteri mempertahankan kerusinya di suatu lokasi di Kedah.

Insiden tersebut telah dipersoal oleh peguam, Syed Iskandar Syed Jaafar, yang menyifatkan perbuatan hakim-hakim itu bercanggah dengan Kod Etika Hakim Syarie. (Lihat portal *Malaysiakini* 5 Mei 2018 di bawah tajuk *Hakim Syarie kempen untuk menteri UMNO?*)

Walaupun hakim-hakim berkenaan mungkin tidak ada niat untuk menyokong menteri berkenaan, bagaimana dengan persepsi rakyat jelata?

Mohd. Naim ada hampir satu dekad mentadbir JKSM mulai sekarang. Semoga segala usahanya direstui Allah dan dipermudahkan.

**DATUK SALLEH BUANG** ialah bekas Profesor Tamu di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai, Johor.



BANGUNAN Mahkamah Syariah di Kompleks Mahkamah Putrajaya. - UTUSAN

## WORKSHOP OF ENGLISH NAS SYARAK COMMITTEE JKSM

Putrajaya:

Bahagian Dasar dan Penyelidikan JKSM menganjurkan workshop tersebut bagi siri-1 pada 1-2 April 2019 di Aras 3, JKSM. Workshop ini juga dihadiri oleh pegawai syariah dari pelbagai negeri yang dilantik dalam menjayakan tugas terjemahan nas syarak yang diterjemahkan dari bahasa melayu ke bahasa Inggeris. Semoga usaha yang dilaksanakan ini dapat memberi manfaat kepada jabatan dan masyarakat.



YAA Dato' Dr. Hj. Mohd Na'im bin Hj. Mokhtar, Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM telah diberi penghormatan untuk menulis dalam ruangan akhbar Kosmo pada hari ini bertajuk "Kerelevanan Jabatan Kehakiman Syariah" di muka surat 27

KOSMO! JUMAAT 26 APRIL 2019

**PESONA** 27  
WANITA • KELUARGA • KESIHATAN

# Kerelevanan Jabatan Kehakiman Syariah

**KOLUMNIS**

Oleh DATUK DR. MOHD. NA'IM MOKHTAR  
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie  
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia



**UNTUK** ruangan pertama ini, saya ingin berkongsi dengan pembaca mengenai peranan dan fungsi Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM). Ia merupakan sebuah agensi yang bertapak di bawah Jabatan Perdana Menteri dan menguruskan hal ehwal perundangan serta kehakiman Syariah di Malaysia.

Umum mengetahui bahawa pentadbiran Mahkamah Syariah Negeri-Negeri adalah di bawah kelolaan negeri masing-masing seperti mana yang telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan di bahagian Jadual ke-9 senarai negeri



JKSM merupakan sebuah agensi yang bertapak di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Rentetan daripada itu, pada 1 Mac 1998, JKSM telah ditubuhkan sebagai penyelaras kepada usaha-usaha penyaluran dan penyeragaman pengurusan seterusnya memastikan pentadbiran Mahkamah Syariah antara semua negeri di Malaysia tersusun dengan baik serta seragam.

Antara lain, JKSM meletakkan visi untuk memartabatkan Institusi Kehakiman Syariah dalam Sistem Kehakiman dan Perundangan Negara dengan beberapa objektif.

Antaranya adalah menyelaraskan prosedur kehakiman untuk diterima pakai di negeri-negeri; mengawal dan menilai program dan aktiviti-aktiviti Mahkamah Syariah negeri-negeri yang menerima pakai skim Perkhidmatan Gunasama Pegawai Syariah Persekutuan dan mengawal selia perintah nafkah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah melalui tindakan penguatkuasaan serta pelaksanaan perintah.

**Cabaran**

Fasa dalam memperkembangkan Institusi Kehakiman Syariah di Malaysia ini sentiasa berterusan dari semasa ke semasa. JKSM mendepani cabaran-cabaran dengan kekuatan perjawatan yang sedia ada di agensi. Terbaharu, beberapa langkah termasuk usaha diambil untuk menaik taraf kedudukan Mahkamah Syariah seperti Transformasi E-Syariah Versi 3, perbicaraan kes-kes permohonan faraid dengan menggunakan Sistem E-Faraid dan latihan perundangan serta kehakiman bersama Hakim-Hakim Mahkamah Sivil secara langsung. Ia diharap dapat meningkatkan kompetensi Mahkamah Syariah di negara ini.

Justeru, peranan dan fungsi JKSM sangat penting dalam memastikan kedudukan Mahkamah Syariah di Malaysia kekal relevan kepada masyarakat Islam khususnya.



## KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA KEDUTAAN IRAQ DI MALAYSIA

YAA Dato' Dr. Hj. Mohd Na'im bin Hj. Mokhtar, Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM menerima satu kunjungan hormat daripada Tuan Yang Terutama Dr. Hamed Al-Jeboori, Duta Iraq di Malaysia pada petang ini bertempat di Pejabat Ketua Pengarah, Aras 7, JKSM. TYT Dr. Hamid yang juga merupakan bekas peguam memulakan sesi kunjungan dengan menyampaikan ucapan tahniah kepada YAA Dato' Dr. atas pelantikan sebagai Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie yang baharu berkuat kuasa 1 April 2019 yang lalu.

Di awal perbincangan, TYT Dr. Hamid menerangkan salasilah undang-undang syariah Iraq bermula pada tahun 1959. Undang-undang yang digubal pada tahun tersebut masih diguna pakai sehingga ke hari ini yang memberi fokus kepada pembelaan nasib-nasib wanita khususnya dalam isu penceraian, iddah, nafkah dan poligami. Di negara Iraq, sistem perundangan syariah digubal berdasarkan fahaman daripada setiap mazhab lalu disatukan dan diseragamkan menjadi satu undang-undang yang relevan dan terbaik.

YAA Dato' Dr. turut menerangkan struktur perundangan dan kehakiman syariah di Malaysia kepada TYT Dr. Hamid berdasarkan Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Walau bagaimanapun, JKSM dalam usaha menyeragamkan undang-undang negara ini menjelang hujung tahun 2020 selaras dengan pengumuman YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri baru-baru ini.

TYT Dr. Hamid juga berhasrat untuk mengadakan kerjasama dua hala antara kedua-dua institusi dalam masa terdekat ini. Salah satu idea yang dilontarkan ialah agar hakim-hakim syarie dari Iraq dan JKSM dapat bertemu, bertukar-tukar idea dan ilmu kepakaran masing-masing demi kebaikan dan manfaat kedua-dua pihak. YAA Dato' Dr. menyambut baik cadangan tersebut dan satu mekanisme yang sesuai akan dirangka bagi memastikan hasrat murni berkenaan menjadi realiti sekaligus dapat memperkukuhkan hubungan diplomasi antara kedua-dua negara.

Di akhir sesi, TYT Dr. Hamed sangat berbesar hati apabila dipelawa dan dibawa oleh YAA Dato' Dr. melawat Mahkamah Moot yang ditempatkan di Aras 6, JKSM. Lawatan tersebut mengimbas kenangan manis TYT Dr. Hamed ketika beramal sebagai peguam satu ketika dahulu. Turut hadir, Mr. Mustafa Kadhim Nazar Al-Rikabi, Setiausaha (ketiga) Kedutaan Iraq di Malaysia. Pertemuan berlangsung selama satu (1) jam 15 minit.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JKSM  
2 Ogos 2019



## *MAJLIS PELANCARAN PROGRAM DARI MAHKAMAH KE BILIK DARJAH (MYC2C)*

YAA Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia telah menghadiri Majlis Pelancaran Program Dari Mahkamah Ke Bilik Darjah (MYC2C) yang diadakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Presint 8 (1), Putrajaya.

Program yang julung-julung kali diadakan ini dirasmikan oleh Ketua Hakim Negara, Tan Sri Richard Malanjum; bertujuan untuk menerapkan ilmu berkaitan undang-undang dalam kalangan pelajar dari peringkat awal sekaligus mendidik pelajar dan golongan muda untuk menghormati undang-undang negara ini. Antara pengisian program ini adalah lawatan ke mahkamah, hakim ke sekolah dan peguam muda yang dijalankan oleh Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam serta pejabat pendaftar mahkamah seluruh negara.

Idea MYC2C dicetuskan oleh Tan Sri Richard sendiri sebelum diterjemaahkan oleh Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri (JPM), dengan kerjasama Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Tan Sri Richard berkesempatan mengucapkan tahniah atas pelantikan YAA Dato' Dr. sebagai Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie dalam ucapan perasmian beliau. Jemputan ini juga merupakan satu permulaan hubungan baik antara dua institusi kehakiman negara. Turut hadir, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang), Mohamed Hanipa Maidin dan Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran, Shaari Osman.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA  
8 APRIL 2019



## PERSIDANGAN KETUA-KETUA HAKIM SYARIE SELURUH MALAYSIA KALI KE-74 BIL.1/2019

YAA Dato' Dr. Hj. Mohd Na'im bin Hj. Mokhtar telah mempengerusikan Persidangan Ketua-Ketua Hakim Syarie Seluruh Malaysia Kali Ke-74 Bil. 1/2019 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Kompleks Islam Putrajaya. Persidangan yang akan berlangsung selama tiga (3) hari dari 15 hingga 17 April 2019 ini, telah dimulakan dengan pembentangan kertas kerja daripada YBrs. Dr. Arik Sanusi bin Yeop Johari, Ketua Bahagian Syariah dan Pengharmonian Undang-Undang, Jabatan Peguam Negara dengan tajuk "Cadangan Penubuhan lima (5) Peringkat Mahkamah Syariah di Malaysia". Cadangan menaik taraf Mahkamah Syariah ini akan melibatkan penubuhan dua (2) mahkamah baharu, iaitu Majlis Rayuan Syariah dan Mahkamah Tengah Syariah Negeri-Negeri. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 5 petang dan akan bersambung jam 9.00 pagi esok.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JKSM  
15 APRIL 2019



## KELAS BACAAN UNDANG-UNDANG KETERANGAN MAHKAMAH SYARIAH SIRI 1

Bahagian Latihan JKSM telah menganjurkan Kelas Bacaan Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah Siri 1 pada 16 April 2019 bertempat di Bilik Latihan Syariah, Aras 4, JKSM. Kelas ini dikendalikan oleh Tuan Mohamad Zakian bin Dio, Pengarah Bahagian latihan dan peserta pula terdiri daripada 35 orang pegawai syariah dari pelbagai bahagian dan jabatan seluruh Malaysia. Kursus selama 1 hari ini diadakan bagi memberi pendedahan kepada para peserta dalam merujuk semua peruntukan di dalam Akta/Enakmen Keterangan Syariah Negeri-Negeri. Peserta turut diberi pendedahan prinsip undang-undang keterangan syariah berdasarkan keputusan kes Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah.

## KELAS BACAAN DAN PEMAHAMAN AKTA UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1984 (AKTA 303) SIRI 1/2019 DI JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (JAWI)

Satu kelas Bacaan dan Pemahaman Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303) Siri 1/2019 telah diadakan di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi) pada 25 April 2019. Para peserta yang terdiri daripada Pendaftar-Pendaftar Nikah, Cerai, Dan Rujuk (PNCR) Wilayah Persekutuan, Pegawai Agama Wilayah Persekutuan, serta Pendakwa Syarie Wilayah cukup bertuah kerana berpeluang mempelajari ilmu tersebut dengan YAA Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie JKSM sendiri iaitu YAA Dato' Dr. Hj. Mohd Na'im bin Hj. Mokhtar. Kelas bacaan Akta ini telah dijalankan sejak tahun 2014 bertujuan untuk memberi pendedahan khusus berhubung dengan setiap seksyen di dalam akta 303. Bermula dengan Seksyen 1, kini pelajaran kelas bacaan telah menyentuh Seksyen 51. Ini membuktikan bahawa setiap seksyen dikupas, dibahas dan diperincikan satu persatu bagi memastikan kefahaman semua peserta terhadap ilmu yang dipelajari mencapai tahap optimum. Manakala pada hari ini, pembacaan adalah menjurus kepada seksyen 50A (lian) dan seksyen 51 (hidup semula sebagai suami isteri atau rujuk) Akta 303; yang telah dikupas dan disentuh secara kritikal satu persatu. YAA Dato' Dr. telah memulakan perkongsian dengan memberi penerangan kepada para peserta akan prinsip undang-undang yang terpakai di Malaysia ini serta kaitannya untuk mengimplicasikan undang-undang yang wujud di Wilayah Persekutuan secara khusus merujuk pada Akta 303. Di samping itu, YAA Dato' Dr turut mengingatkan tentang kepentingan memahami prinsip undang-undang syarak mengikut peraturan yang sebenar-benarnya sekaligus menjanjikan keadilan kepada semua masyarakat Islam. Kelas bacaan yang berkonsepkan komunikasi interaktif dua hala ini berlangsung sehingga jam 12 tengahari.



## BENGKEL PENGURUSAN KES JENAYAH JABATAN PENDAKWAAN SYARIAH

Bahagian Latihan JKSM telah menganjurkan Bengkel Pengurusan Kes Jenayah Jabatan Pendakwaan Syariah pada 24 - 25 April 2019 bertempat di Bilik Latihan Syariah, Aras 4, JKSM. Bengkel ini dikendalikan oleh Tuan Mustafar bin Hamzah, Pengarah Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Terengganu dan peserta pula terdiri daripada pendakwa syarie dari pelbagai bahagian dan jabatan seluruh Malaysia. Kursus selama 2 hari ini diadakan bagi memberi kefahaman kepada para peserta berhubung kaedah pengurusan kes jenayah yang diperuntukkan dalam Enakmen/Akta Tatacara Jenayah Mahkamah Syariah. Peserta turut diberi pendedahan berkaitan penyediaan dokumentasi bagi pra pendaftaran, perbicaraan dan pasca perbicaraan kes jenayah di mahkamah syariah.



## Majlis Clock Out Encik Mohd Fuzi Bin Mat

Satu Majlis clock out bagi meraikan hari terakhir En. Mohd Fuzi bin Mat yang akan bersara wajib pada 20 April 2019. Beliau telah bertugas di JKSM sejak tahun 2014 sebagai Pemandu Gred H14. Seluruh warga JKSM mengucapkan jutaan terima kasih kepada beliau atas perkhidmatan cemerlang sepanjang bertugas di sini. Didoakan agar beliau sentiasa berada dalam lindungan Allah SWT.



## KUNJUNGAN HORMAT KEPADA KETUA PENGARAH JABATAN BANTUAN GUAMAN (JBG)

YAA Dato' Dr. Mohd Na'im bin Hj. Mokhtar, Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie JKSM telah membuat kunjungan hormat kepada YBhg. Datuk Haini binti Hassan, Ketua Pengarah Jabatan Bantuan Guaman (JBG) sebentar tadi. Pertemuan yang berlangsung dalam suasana yang mesra ini telah membincangkan pelbagai isu antaranya perihal usahasama antara JKSM dan JBG dalam memperkukuhkan lagi hubungan dua hala. Antaranya adalah agar perbincangan awal dapat dilakukan antara kedua-dua agensi bagi memperhalusi dan memurnikan penjadualan kursus-kursus yang melibatkan Pegawai Syariah di JBG agar tidak berlakunya pertindihan jadual dan sebagainya. YBhg. Datuk juga turut berkongsi visi yang sama dengan YAA Dato' Dr. iaitu semua Pegawai Syariah hendaklah bekerjasama antara satu sama lain dan tidak mengamalkan cara bekerja insilo dan sentiasa memasakkan dalam hati masing-masing untuk menganggap JBG umpama 'keluarga kandung' yang diwakili. YBhg. Datuk juga berkongsi tentang perjanjian Persetujuan Pemberian Sumbangan dan Kerjasama antara JBG dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) untuk menambahbaik perkhidmatan Bantuan Guaman di JBG Wilayah Persekutuan serta memberi bantuan Guaman Syarie kepada pelanggan Baitulmal Maiwp yang berhak. Berdasarkan perjanjian ini, sebanyak 87 kes telah difailkan yang mana 32 kes telahpun selesai sejak enam (6) bulan yang lalu. Hasil daripada perjanjian ini juga, JBG telah menjadi Johan pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat MAIWP tahun 2019 yang telah berlangsung pada 10 hingga 11 April 2019. Kumpulan Fiat Justitia yang turut diwakili oleh tiga (3) orang Pegawai JBG telah menghasilkan KIK Hibrid Kolaborasi Strategik MAIWP-JBG bagi skim bantuan tersebut. Di pertemuan ini juga, YAA Dato' Dr. dan YBhg. Datuk berkesempatan menceritakan pengalaman masing-masing yang merupakan rakan sekelas ketika mengikuti pengajian Master of Laws (LLM) di University of London pada tahun 1990/1991. Turut hadir Tuan Muhamad Abdul Karim Bin Wahab; Timbalan Ketua Pengarah (Syariah) JBG.



## MAJLIS PENYAMPAIAN AMANAT YAA KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE JKSM KEPADA WARGA JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH PULAU PINANG

YAA Dato' Dr. Mohd Na'im bin Hj. Mokhtar, Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM telah berkesempatan untuk menyampaikan amanat kepada Pegawai dan Kakitangan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang sebaik sahaja selesai mengendalikan kes-kes di Mahkamah Rayuan Pulau Pinang. Seperti amanat-amanat beliau di negeri-negeri lain sebelum ini, YAA Dato' Dr. turut memperkenalkan motto CENDEKIA iaitu Cendekia, Ikhlas dan Amanah yang sememangnya perlu dijadikan pegangan dan panduan oleh semua pegawai dan kakitangan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia. Bagi mendalami motto tersebut, semua warga JKSN Pulau Pinang hendaklah memahami terlebih dahulu dasar-dasar JKSM dan berdiri teguh mempertahankannya. Ini termasuklah semua kader-kader Syariah di Kementerian/agensi lain yang turut wajib menerangkan dan mempertahankan dasar-dasar JKSM memandangkan mereka seumpama duta-duta yang mewakili JKSM.

Dalam usaha mempertahankannya pula, semua pihak tidak sewajarnya bekerja dalam *in silo* dan bersikap individualistik. Sikap bekerjasama dan bantu membantu sangatlah penting dalam membentuk satu pasukan yang kuat sekaligus mengukuhkan agensi yang diwakili. Apabila semangat berpasukan ini dapat disemai, warga Mahkamah Syariah terutamanya JKSN Pulau Pinang pasti dapat memberikan servis yang terbaik kepada para pelanggan yang hadir ke mahkamah. Sikap ramah mesra dan murah dengan senyuman perlu dipraktikkan setiap masa apabila berhadapan dengan para pelanggan. Ini kerana ianya dapat memberikan persepsi yang positif kepada imej Jabatan.

YAA Dato' Dr. juga inginkan semua pihak sentiasa mengamalkan sikap tabayyun dalam setiap perkara. Kita janganlah mendengar sesuatu dari sebelah pihak sahaja dan tidak boleh menghukum tanpa bukti yang kukuh. Ini bersesuaian dengan hasrat YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang inginkan semua pentadbiran institusi agama berteraskan konsep Rahmatun Lilalamin, Maqasid Syariah dan Fiqh Almilizi. YAA Dato' Dr. juga menyarankan JKSN Pulau Pinang untuk mengekalkan dan meningkatkan kecemerlangan yang sedia ada. Dalam masa yang sama beliau berasa bangga dengan perjanjian gunasama antara kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan yang membuktikan kerjasama yang kuat antara Institusi Kehakiman Islam seluruh Malaysia. Ini sekaligus melicinkan lagi perjalanan Jabatan untuk menjadikan Institusi Kehakiman Syariah satu institusi yang unggul menjelang 2025. YAA Dato' Dr. juga telah berpeluang melawat Seksyen Bahagian Sokongan Keluarga (SBSK) sebelum memulakan prosiding kes rayuan pagi tadi. Ternyata semua warga JKSN Pulau Pinang teruja dengan aspirasi dan semangat baharu yang dibawa oleh YAA Dato' dalam ucapan beliau sebentar tadi. Warga JKSNPP turut memuji keperibadian YAA Dato' yang penuh karisma, intelek, berintegriti dan berpandangan jauh. Syabas diucapkan kepada YAA Dato' Dr.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JKSM  
25 APRIL 2019



## **MAJLIS AMANAT YAA KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE JJKSM BERSAMA WARGA JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SEMBILAN**

Satu majlis penyampaian amanat YAA Dato' Dr. Hj. Mohd Na'im bin Hj. Mokhtar, Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) telah diadakan di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan (JKSNS), Bandar Sri Sendayan, Negeri Sembilan pada hari ini. Program tersebut telah dihadiri oleh semua Pegawai dan Kakitangan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan termasuklah Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Sembilan, Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Sembilan, Penolong Penasihat Undang-Undang (Syariah) Negeri Sembilan, Jabatan Bantuan Guaman dan Persatuan Peguam Syarie Negeri Sembilan. Justeru, dalam amanat beliau, YAA Dato' Dr. telah menekankan beberapa elemen penting yang perlu diterapkan dalam peribadi seorang Peguam Syarie. Antaranya setiap tindakan yang dilakukan hendaklah berlandaskan akal fikiran yang rasional, amanah dan rasa tanggungjawab yang tinggi. Setiap tugas yang dilakukan hendaklah dalam keadaan yang penuh tawaduk atas kesedaran setiap pekerjaan itu merupakan satu ibadah kepada yang Esa.

Keperibadian ini sangat berkait rapat dengan motto CENDEKIA yang dicipta oleh YAA Dato' Dr. iaitu Cendekia, Ikhlas dan Amanah. Seorang Peguam Syarie membawa peranan sebagai 'Rakan Mahkamah' (Officers of the Court) yang perlu menyelesaikan kes-kes dengan penuh adil dan saksama. Setiap hujah yang disampaikan hendaklah dibahaskan dengan penuh intelek dan berfakta. Janganlah berhujah seperti 'tin kosong' yang hanya petah berkata-kata tapi pengisiannya penuh dengan kebatilan. YAA Dato' Dr. juga telah menyampaikan rasa bangga beliau terhadap Pegawai dan Kakitangan JKSNS yang telah menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi sesuai dengan motto Cendekia yang sentiasa diwar-warkan oleh YAA Dato' Dr. Antara pegawai yang terlibat adalah Tuan Suhaizad bin Saifuddin yang sedang melanjutkan pengajian dalam peringkat PHD. Manakala tiga (3) orang pegawai pula sedang menyambung pengajian secara Pelan Pembangunan Bidang Kejaya hasil MoU JKSM dgn USIM iaitu Puan Ruzita bt Ramli (PhD), Tuan Abdul Halim b. Muhammad (Sarjana) dan Tuan Jimmy b. Mohd Azlin (Sarjana). YAA Dato' Dr. turut berbangga dengan kejayaan JKSNS yang berjaya mengekalkan Anugerah 5 Bintang dalam Audit AI (Accountability Index).

### **UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JKSM**

26 April 2019





**KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE JKSM  
DI LANTIK SEBAGAI AHLI MAJLIS AGAMA ISLAM  
WILAYAH PERSEKUTUAN (MAIWP)  
SESI 2018-2021**

Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah telah berkenan melantik YAA. Dato' Dr. Mohd Na'im Bin Hj. Mokhtar sebagai Ahli MAIWP bagi tempoh berkuat kuasa mulai 28 Mac 2019 hingga 31 Januari 2021. Surat lantikan tersebut telah disampaikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mujahid Bin Yusof pada 8 April 2019 yang lalu. Pelantikan ini di buat atas kepakaran YAA Dato' Dr. dalam usaha membantu MAIWP menjalankan fungsinya dalam meninggikan syiar Islam dan memajukan lagi masyarakat Islam di Wilayah-wilayah Persekutuan. Sekalung tahniah kepada YAA. Dato' Dr. atas pelantikan sebagai Ahli MAIWP ini.



**Program JKSM Bersama Kelab Persatuan Alumni UM**

Unit Komunikasi Korporat JKSM dengan kerjasama Bahagian Sokongan Keluarga JKSM, Unit Sulh (BPKR) dan Bahagian Pusat Sumber Maklumat dan Penerbitan JKSM telah mengadakan pameran sempena Fifth Education Talk “Pengabaian Nafkah Anak” anjuran Kolej Kediaman Dayasari Universiti Malaya sesi 2018/2019 bertempat di Kelab Persatuan Alumni Universiti Malaya (PAUM). Antara perkhidmatan yang ditawarkan adalah kaunter soal jawab dan penjualan Jurnal Hukum. UKK mewakili Jabatan mengucapkan syabas dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat.

Unit Komunikasi Korporat JKSM  
23 April 2019



## LAWATAN TAPAK CADANGAN PENUBUHAN AKADEMI KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA

YAA Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM, YAA Dato' Dr. Hj. Mohd Na'im bin Hj. Mokhtar telah mengadakan lawatan tapak ke Pusat Komuniti Pasir Panjang, Port Dickson pada pagi ini bagi meninjau tapak cadangan Akademi Kehakiman Syariah Malaysia. YAA Dato' akan mengadakan pertemuan dan perbincangan awal berkenaan perkara ini dengan YAB Dato' Seri Haji Aminuddin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan dan YB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Ahli Parlimen Port Dickson dalam masa terdekat. Penubuhan Akademi Kehakiman Syariah ini bakal memperkasakan lagi pegawai-pegawai Syariah di seluruh Malaysia khususnya para hakim syarie dengan latihan-latihan yang lebih intensif, inovatif dan komprehensif yang bakal diperolehi di akademi tersebut.

Ini bertepatan dengan kehendak YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri agar Institusi Kehakiman Syariah menjadi Institusi yang unggul menjelang tahun 2025.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JKSM  
22 APRIL 2019



### *Program Eksplorasi Integriti Siri 1 Tahun 2019*

Unit Integriti JKSM dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Putajaya telah menganjurkan Program Eksplorasi Integriti Siri 1 Tahun 2019 pada 29 April 2019 bertempat di Bilik Latihan Syariah, Aras 4 JKSM. Program selama sehari ini dikendalikan oleh Tuan PKPs. Hossen bin Abdul Rahim, Puan Ps. Nor Rohani binti Shamsuddin dan Tuan Ps. Izham bin Ibrahim dari Bahagian Pendidikan Masyarakat, SPRM.

Seramai 34 pegawai dan kakitangan JKSM dari pelbagai bahagian telah terlibat dalam bengkel hari ini. Penganjuran program ini merupakan sebahagian daripada Unit Integriti JKSM yang bertujuan meningkatkan kesedaran dan kefahaman para peserta mengenai budaya kerja berintegriti, budaya kerja cemerlang, isu-isu tadbir urus dan integriti dalam Perkhidmatan Awam. Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM, YAA Dato' Dr. Mohd Na'im bin Mokhtar turut berkesempatan menyampaikan amanat dan pesanan ringkas kepada para peserta supaya mengambil peluang pada hari ini bagi meningkatkan ilmu dan tahap integriti di dalam diri warga JKSM seterusnya menggunakan ilmu tersebut di dalam amalan kerja seharian. Semoga program seumpama ini dapat memberi manfaat dan dapat meningkatkan kesedaran peserta terhadap bahayanya jenayah rasuah terhadap diri, keluarga, masyarakat dan negara.



### *Taklimat Strategi Pelaksanaan e-Payment & Online Payment e-Syariah Versi 3*

Satu sesi Taklimat Strategi Pelaksanaan e-Payment & Online Payment e-Syariah Versi 3 bersama JKSN/MSN dan Bendahari Negeri Seluruh Malaysia telah diadakan pada 2 Mei 2019 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Aras 5 JKSM. Taklimat ini dipengerusikan oleh Puan Laila Khalidah binti Ismail, Pengarah Kanan (Pengurusan) JKSM manakala ahli terdiri daripada Pengarah-Pengarah Bahagian JKSM, wakil JKSN/MSN dan wakil dari Bendahari Negeri-negeri. Taklimat ini bertujuan membentangkan cadangan pelaksanaan e-Payment dan Online Payment pada sistem e-Syariah Versi 3 yang dijangka Go Live pada bulan Ogos 2019 nanti. Modul-modul yang dicadangkan adalah Sistem pendaftaran Kes Mahkamah Syarie, Nafkah, Sistem Pendaftaran Peguam Syarie dan Portal.



## LAWATAN UNITED NATIONS HIGH COMMISSIONER FOR REFUGEES (UNHCR) KE ATAS JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia telah menerima kunjungan daripada delegasi United Nations High Commissioner For Refugees (UNHCR) pada hari ini bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Aras 5, JKSM. Pertemuan yang dipengerusikan oleh YAA Dato' Dr. Hj. Mohd Na'im bin Hj. Mokhtar, Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie tersebut telah memberi peluang kepada kedua-dua agensi untuk mengenali lebih dekat akan peranan dan fungsi agensi masing-masing. Majlis telah dimulakan dengan ucapan aluan oleh Ms. Audrey Bernard daripada Unit Pendaftaran UNHCR. Peranan dan fungsi UNHCR kemudiannya diterangkan dengan lebih lanjut oleh Puan Wan Hidayati Nadirah daripada Unit Perlindungan terhadap Keganasan Seksual (SGBV) UNHCR.

Isu berkaitan masalah pendaftaran perkahwinan dan penceraian pelarian Rohingya juga turut dibahaskan sepanjang pertemuan berlangsung. YAA Dato' Dr. telah mengambil peluang untuk menerangkan kepada wakil UNHCR tentang prosedur dan undang-undang syariah Negara yang perlu dipatuhi oleh pelarian muslim UNHCR tanpa prejudis. Dalam masa yang sama, YAA Dato' Dr. juga menyuarakan pendirian JKSM yang sentiasa terbuka dan komited dalam membantu menyelesaikan isu-isu yang berbangkit berkaitan masalah-masalah tersebut. Ms. Audrey mewakili UNHCR rasa sangat gembira akan layanan mesra dan sangat informatif daripada JKSM dan mempelawa YAA Dato' Dr. untuk mengadakan lawatan balas ke ibu pejabat UNHCR. Turut hadir sebentar tadi ialah Ketua Pendaftar serta pegawai-pegawai kanan JKSM.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JKSM  
8 Mei 2019



Mesyuarat Bersama Jabatan Penjara Malaysia Mengenai Prosedur Operasi Standard (SOP) Hukuman Sebatan Syariah Satu Mesyuarat Bersama Jabatan Penjara Malaysia Mengenai Prosedur Operasi Standard (SOP) Hukuman Sebatan Syariah Di Luar Penjara telah diadakan pada 2 Mei 2019 bertempat di Ibu Pejabat Penjara Malaysia. Mesyuarat di pengurusikan oleh KP Ahmad Faudzi bin Awang, Pengarah Keselamatan dan Inteligen JPM manakala delegasi JKSM diwakili oleh Ketua Pendaftar JKSM, Puan Noor Hadina binti Ahmad Zabidi bersama pegawai kanan JKSM. Mesyuarat ini diadakan bagi mendapatkan input dalam penyediaan SOP pelaksanaan hukuman sebat di hadapan mahkamah atau di mana-mana tempat yang diarahkan oleh mahkamah selain di penjara.



### KUNJUNGAN HORMAT YAA KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE JKSM KEPADA KETUA SETIAUSAHA NEGARA (KSN)

YAA Dato' Dr. Hj. Mohd Na'im bin Hj. Mokhtar, Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM telah mengadakan kunjungan hormat kepada YBhg. Dr. Ismail Haji Bakar, Ketua Setiausaha Negara pada hari ini. Dalam pertemuan tersebut, YAA Dato' Dr. berkesempatan mendengar amanat dan aspirasi KSN terhadap JKSM dan Mahkamah Syariah Negeri-Negeri. YBhg. KSN juga telah menyatakan hasrat dan harapan beliau agar kes-kes perceraian dan harta sepencarian dapat diselesaikan segera di mahkamah. Hasrat dan harapan tersebut telah disambut baik oleh YAA Dato' Dr. Namun dalam masa yang sama, YAA Dato' Dr. turut memberi penjelasan yang lebih terperinci kepada YBhg. KSN bagi menerangkan faktor-faktor yang menyebabkan sesuatu kes tersebut tertangguh. YAA Dato' Dr. juga turut menyuarakan harapan agar Jabatan ini akan sentiasa mendapat sokongan dan dokongan daripada YBhg. KSN dalam usaha memperkasakan lagi JKSM dan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia. Pertemuan singkat selama setengah jam tersebut telah berlangsung dalam suasana cukup mesra.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JKSM

3 Mei 2019



## Program Takbir Hari Raya

YAA Dato' Dr. Hj. Mohd Na'im bin Hj. Mokhtar, Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM menyertai Rakaman Takbir Raya 1440H di Studio Rakaman JAKIM pada pagi ini.

UKK JKSM  
10 Mei 2019



## MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA IAIS

YAA Dato' Dr. Hj. Mohd Na'im bin Hj. Mokhtar, Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM memenuhi undangan berbuka puasa oleh Prof. Dr. Hashim Kamali, CEO International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS) Malaysia pada hari ini. Antara tetamu jemputan majlis adalah Tan Sri Ali Farar; Mantan Duta Palestine dan Prof. Emeritus Datuk Dr Shad Faruqi dari Universiti Malaya. YAA Dato' Dr. juga tidak melepaskan peluang untuk berbual mesra bersama Prof. Dr. Hashim dan Prof. Emeritus Datuk Dr. yang kedua-duanya merupakan Pofessor yang pernah mengajar YAA Dato' Dr. ketika menuntut di Universiti Islam Antarabangsa dahulu. Usai jamuan, YAA Dato' Dr. turut berpeluang menyertai solat tarawikh berjemaah.


UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JKSM  
10 Mei 2019



**SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG B  
ERKENAN MENERIMA MENGHADAP YAA KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE JKSM**

Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibn Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah berkenan menerima menghadap YAA Dato' Dr. Hj. Mohd Na'im bin Hj. Mokhtar, Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM di Istana Negara pada hari ini. Pertemuan lebih kurang 45 minit tersebut berlangsung dalam suasana yang sangat mesra sambil membincangkan banyak perkara berkaitan Syariah dan perundangan Syariah. YAA Dato' Dr. juga telah berkesempatan menyampaikan ucapan tahniah mewakili semua warga JKSM, JKSN dan MSN atas pelantikan Tuanku sebagai Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong yang ke-16.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JKSM  
15 MEI 2019



## Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia pada 17 Mei 2019

Perhimpunan kali ini dihoskan oleh BPKR JKSM dan dimulakan dengan alunan Asma'ul Husna dan bacaan ayat suci al-Quran. Seterusnya, sesi perkongsian ilmu telah disampaikan oleh Tuan Diziehan Mustapha, Ketua Penolong Pengarah Kanan (Farmasi), Kementerian Kesihatan Malaysia dengan tajuk: "Ramadhan & Kesihatan". Kelab Kebajikan dan Sukan (KKS) JKSM turut menyediakan kaunter bayaran zakat fitrah di ruang legar BMU bagi memudahkan warga JKSM membayar zakat fitrah pada tahun ini.



### **KUNJUNGAN HORMAT YAA KETUA HAKIM SYARIE JKSM KE ATAS YBHG. DATO' TKSUK JPM**

YAA Dato' Dr. Hj. Mohd Na'im bin Hj. Mokhtar, Ketua Hakim Syarie/Ketua Pengarah JKSM telah mengadakan kunjungan hormat ke atas YBhg. Dato' Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad di Pejabat TKSUK, Kompleks JPM pagi ini. YAA Dato' Dr. telah berpeluang untuk menjelaskan perihal inisiatif dan langkah-langkah yang beliau akan laksanakan di JKSM dalam memastikan institusi kehakiman syariah di negara kita akan terus maju dan ke hadapan. Perkara ini dipersetujui oleh YBhg. Dato' TKSUK yang turut menyarankan agar penerangan terhadap undang-undang syariah kepada semua lapisan masyarakat diperhebat dan disebarluaskan agar semua pihak mempunyai kesedaran dan celik akan hak-hak masing-masing. Beliau beranggapan bahawa andainya usaha ini dilakukan secara konsisten dan bersepadu oleh semua warga JKSM dan Pegawai-Pegawai Syariah, maka persepsi negatif masyarakat terhadap Mahkamah Syariah dapat diubah di masa akan datang. Justeru, sebelum gerak kerja dilaksanakan, YBhg. Dato' TKSUK berharap agar semua warga JKSM benar-benar memahami dan menghayati tiga (3) teras yang telah digariskan oleh Kerajaan. Dalam masa yang sama, beliau turut berjanji akan memberikan sokongan, dokongan dan bantuan yang tidak berbelah bahagi kepada YAA Dato' Dr. dan semua warga JKSM dalam memperkasakan Kehakiman dan Perundangan Syariah di Negara kita. Dalam pertemuan mesra selama 45 minit tersebut juga, YAA Dato' Dr. turut berkesempatan menjelaskan pertanyaan YBhg. Dato' TKSUK perihal pandangan mazhab dalam Islam dan bagaimana ianya diterjemahkan dalam undang-undang.





## SESI PERBINCANGAN JKSM BERSAMA INSTITUT DARUL EHSAN (IDE) - PENGANJURAN SEMINAR MAQASID AL-SYARIAH DALAM PERUNDANGAN DAN KEHAKIMAN SYARIE



YAA Dato' Dr. Mohd Na'im bin Hj. Mokhtar, Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM telah mempengerusikan sesi perbincangan bersama Institut Darul Ehsan (IDE) bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Aras 5, JKSM pada jam 10.00 pagi tadi. Sesi perbincangan yang telah berlangsung selama 1 jam 30 minit tersebut telah dihadiri oleh Ketua Pendaftar JKSM dan Pengarah-Pengarah Bahagian JKSM. Manakala barisan wakil IDE telah diketuai oleh Encik Khairul Ariffin, Pengurus Kanan Penyelidikan IDE. YAA Dato' Dr. telah memulakan sesi dengan menerangkan tentang prinsip maqasid di sisi perundangan. Setelah itu, YAA Dato' Dr. dan ahli mesyuarat telah mendengar taklimat daripada wakil IDE tentang cadangan kertas kerja, serta cadangan penganjuran Seminar Maqasid Al-Syariah Dalam Perundangan dan Kehakiman Syarie. Objektif seminar ini antaranya adalah untuk membina kefahaman tentang teori dan aplikasi maqasid syariah dalam perundangan serta kehakiman, sebagai platform pertukaran idea dan perkongsian ilmu dan melahirkan para hakim yang mempunyai rangka asas yang baik tentang maqasid syarak. Sesi perbincangan telah berjalan dalam suasana yang mesra dan cukup baik di mana kedua-dua agensi berpeluang untuk bertukar-tukar idea dan pendapat bagi mencapai kesepakatan dalam menjadikan seminar tersebut satu realiti. Majlis diakhiri dengan penyampaian cenderahati daripada IDE kepada YAA Dato' Dr. tanda penghargaan atas kesudian menerima kunjungan wakil mereka.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JKSM  
31 Mei 2019

### MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA BSK JKSM BIL.1/2019

Satu Mesyuarat Jawatankuasa Kerja BSK JKSM Bil. 1/2019 telah diadakan pada 28 Mei 2019 (Selasa) bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Aras 5, JKSM. Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh YAA Dato' Dr. Hj. Mohd Na'im bin Hj. Mokhtar, Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM yang juga merupakan Ahli Jawatankuasa Kerja BSK JKSM. Antara Ahli-Ahli Jawatankuasa yang hadir ialah YBhg. Datin Dr. Raihanah Hj. Abdullah (Universiti Malaya), Prof. Dr. Najibah Mohd Zain (UIAM), Prof. Dr. Nurhidayah Mohamad Hashim (UiTM), Prof. Dr. Nora Abdul Hak (UIAM), Prof. Madya Roslina Che Soh (UIAM) dan Prof. Madya Noraini Md. Hashim. Mesyuarat juga telah dibentangkan dengan kertas cadangan bertajuk Mewujudkan Memorandum Persefahaman Antara BSK dan JKSN/MSN Negeri. Turut hadir para Pegawai Kanan JKSM dan BSK.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JKSM  
28 MEI 2019



## JKSM MENYEDIAKAN KAUNTER INFORMASI SEMPENA KARNIVAL RAHMAH NUR RAMADAN 1440H

Unit Komunikasi Korporat JKSM dengan kerjasama Bahagian Sokongan Keluarga dan Unit Sulh JKSJ Pahang telah menyediakan kaunter informasi undang-undang sempena Karnival Rahmah Nur Ramadan 1440H anjuran JAWHAR bertempat di Masjid Muafakat Al-Mukmin, Kg. Pak Mahat, Kuantan, Pahang. Program 'turun padang' dalam misi mendekati rakyat tersebut telah dirasmikan oleh YB Puan Hajjah Fuziah binti Salleh, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Agama). Kaunter informasi JKSM telah dibuka seawal jam 10.00 pagi dan akan berakhir pada jam 6.00 petang nanti. Syabas diucapkan kepada semua petugas!

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JKSM  
11 Mei 2019





## MAJLIS AMANAT KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE JKSM SEMPENA SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI 1440H

YAA Dato' Dr. Hj. Mohd Na'im bin Hj. Mokhtar, Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM telah menyampaikan amanat kepada semua warga JKSM sempena Hari Raya Aidilfitri 1440H bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Aras 5, JKSM pada pagi ini. YAA Dato' Dr. telah memulakan ucapan dengan ucapan terima kasih kepada semua warga JKSM yang sudi memberikan komitmen untuk hadir dan meramaikan majlis amanat tersebut. Beliau berpendapat, semangat seumpama ini menanamkan semangat kecintaan terhadap Jabatan. Dalam masa yang sama, YAA Dato' Dr. menyeru agar semua warga JKSM sentiasa bersikap amanah, berintegriti dan bantu membantu dalam bersama-sama berpadu tenaga menaikkan prestasi dan imej Jabatan. Ini kerana beliau berpendapat bahawa misi untuk membangunkan perkhidmatan Jabatan ke arah yang lebih cemerlang tidak akan tercapai andai usaha ini hanya dilakukan beliau berseorangan.

Untuk itu, YAA Dato' juga inginkan semua pengurusan tertinggi dan pengarah-pengarah bahagian tidak memandang enteng terhadap idea-idea yang dilontarkan oleh pegawai dan kakitangan di bawah seliaan masing-masing agar setiap idea yang bernas itu dapat dibawa dan didengar dan direalisasikan oleh peringkat atasan. YAA Dato' Dr. juga berharap agar semua warga JKSM sentiasa proaktif dalam menggunakan teknologi seperti aplikasi whatsapp dalam urusan komunikasi pentadbiran Jabatan agar setiap keputusan dan tugas dapat dilaksanakan dengan lebih mudah dan cepat. Namun, YAA Dato' Dr. juga berharap agar setiap keputusan yang dibuat oleh beliau tidak dispekulasikan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab demi kebaikan Jabatan. Sikap sentiasa husnuzon antara satu sama lain sangatlah penting demi kerharmonian Jabatan.

Di kesempatan ini juga, YAA Dato' Dr. berpesan agar semua warga JKSM memastikan semua langkah-langkah keselamatan pejabat diambil sebelum masing-masing memulakan percutian bagi mengelakkan perkara yang tidak diinginkan. YAA Dato' Dr. juga berharap agar semua warga menjaga akhlak di jalan raya dan memastikan kenderaan dalam keadaan yang terbaik sebelum memulakan perjalanan pulang ke kampung bersama keluarga. Akhir sekali, YAA Dato' Dr. memohon maaf dan mengucapkan Selamat Hari Raya kepada semua warga JKSM. Usai amanat, YAA Dato' Dr. juga telah menyempurnakan Pelancaran Laman Web JKSM Versi 4 yang baharu.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JKSM  
31 Mei 2019



## PELANCARAN MAJLIS PERLEPASAN FLAG OFF KEMBARA RAHMAH NUR RAMADAN 1440H

YAA Dato' Dr. Hj. Mohd Na'im bin Hj. Mokhtar, Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM telah menghadiri Majlis Perlepasan Flag Off Kembara Nur Ramadan, Anjuran JAWHAR di Perkarangan Blok A, Kompleks Islam Putrajaya pada hari ini. Majlis yang diadakan pada jam 2.30pm tersebut telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Program Jelajah Rahmah Nur Ramadan ini merupakan misi konvoi yang terdiri daripada dua puluh (20) buah pacuan empat roda yang akan mengelilingi semenanjung Malaysia sepanjang Ramadan dalam misi memberi bantuan kepada golongan-golongan yang memerlukan di lokasi-lokasi yang telah ditetapkan. Program anjuran bersama Yayasan Taqwa, JAKIM, 4W4C dan agensi-agensi lain akan berhenti di lokasi pertama di Masjid Bongek, Rembau, Negeri Sembilan sebelum tiba di Melaka esok. Konvoi akan berlangsung selama dua (2) minggu dan berakhir semula di Putrajaya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JKSM  
8 Mei 2019




## Majlis Berbuka Puasa Bersama UAB TPM di Seri Satria

YAA Dato' Dr. Hj. Mohd Na'im bin Hj. Mokhtar, Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM menghadiri Majlis Iftar bersama YAB Timbalan Perdana Menteri di Dewan Serbaguna Sri Satria, Presint 16, Putrajaya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JKSM  
28 MEI 2019




*Sekitar Perhimpunan YAB Perdana Menteri  
Bersama Warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) Bagi Bulan Mei 2019*



**MESYUARAT JAWATANKUASA LATIHAN BIL. 1/2019**

YAA Dato' Dr. Hj. Mohd Na'im bin Hj. Mokhtar, Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM telah mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Latihan Bil. 1/2019 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Aras 5, JKSM pada pagi tadi. Mesyuarat yang membincangkan program, modul latihan serta perancangan bagi tahun 2019 ini sangat signifikan di peringkat latihan agar segala program yang direncanakan memberikan impak yang positif dan optimum kepada para peserta sekaligus membantu misi Jabatan mempertingkatkan mutu perkhidmatan para pegawai Mahkamah Syariah tercapai. Turut hadir menyumbangkan idea dan pandangan ialah Dr. Lukman Bin Abdul Mutalib (Universiti Sains Islam Malaysia), Dr. Ahmad Fadzli Bin Ahmad Tajudin (Ketua Kluster Institut Tadbiran Awam Negara) dan Puan Zaizurina Bt Mansor daripada Institut Latihan Islam Malaysia.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JKSM  
29 Mei 2019



## AJLIS IFTAR JAMAIE BERSAMA ASNAF ANJURAN BADAN KEBAJIKAN MSWP DAN PPSM

Satu Majlis Iftar Jamaie bersama Asnaf anjuran Badan Kebajikan Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan KL dan Persatuan Pegawai Syariah Malaysia (PPSM) telah diadakan di Kompleks Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan KL pada 24 Mei 2019 (Jumaat).Majlis telah dirasmikan oleh YAA Dato' Dr. Hj. Mohd Na'im bin H Mokhtar, Ketua Hakim Syarie/Ketua Pengarah JKSM yang meraikan anak-anak yatim Sekolah Kebangsaan Bang (Jalan 6), serta anak-anak terbela Darus Saadah.Dalam ucapan perasmian beliau, YAA Dato' Dr. telah menegaskan bahawa bulan Ramadan yang mulia ini hendaklah dimanfaatkan sebaiknya dengan melakukan pelbagai amalan dan kebajikan termasuklah membantu insan-insan yang memerlukan. Selepas berbuka puasa, YAA Dato' Dr. juga telah berkesempatan menyampaikan sumbangan kepada semua anak-anak yatim, para pelajar Darus Saadah dan anak-anak pegawai dan kakitangan MSWP yang hadir. Majlis kemudiannya diteruskan dengan solat maghrib, isyak berjemaah dan solat sunat tarawikh di surau MSWP. Turut hadir Hakim-Hakim Rayuan Syariah Malaysia, Ketua Hakim Syarie Wilayah merangkap Presiden PPSM, Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Hakim-Hakim Mahkamah Rendah dan Pegawai-Pegawai Kanan JKSM.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JKSM  
25 Mei 2019



## **MAJLIS PENTAULIAHAN WATIKAH SEBAGAI PANEL TETAP HAKIM MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH SELANGOR**

DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj telah berkenan untuk melantik Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan Syariah JKSM; YA Datuk Hj. Mohd. Radzi bin Hj. Abd Latif dan YA Datuk Jasri@Nasip bin Matj Jakir sebagai anggota Panel Tetap Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Selangor dalam Majlis Pentauliah Watikah yang diadakan pada pagi ini di Istana Bukit Kayangan, Shah Alam, Selangor. Majlis yang dihadiri oleh YAA Dato' Dr. Hj. Mohd Na'im bin Hj. Mokhtar, Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM tersebut, turut memberi pentauliah kepada Hakim Mahkamah Rendah Syariah dan Penolong Pendaftar Mahkamah Syariah yang terdiri daripada Pegawai-Pegawai Syariah Selangor dan Penolong Pegawai Syariah Selangor. Syabas dan tahniah diucapkan!

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JKSM  
3 Jun 2019




Hebahan Hari Terbuka Bersama Puan Hajjah Noor Hadina Binti Ahmad Zabidi, Ketua Pendaftar JKSM di IKIMfm pada 28 Jun 2019 jam 9.30 pag



### *Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia pada 14 Jun 2019*

Perhimpunan kali ini dihoskan oleh Bahagian Latihan JKSM dan dimulakan dengan bacaan doa dan alunan ayat-ayat suci al-Quran. Seterusnya sesi perkongsian ilmu telah disampaikan oleh Dr Azura binti Hamdan dari Bahagian Psikologi, Jabatan Perkhidmatan Awam dengan tajuk: "Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Tempat Kerja". JKSM turut mengambil kesempatan di majlis ini dengan menyerahkan surat kenaikan pangkat kepada 3 orang pegawai iaitu Tuan Abu Suffian bin Abu Yaziz (LS52), Encik Ismail bin Zakaria (LS28) dan Puan Azlina binti Ishak (N22).





## ***Kursus Rayuan dan Semakan Siri 1***

Bahagian Latihan JKSM dengan kerjasama ILIM Jakim telah menganjurkan Kursus Rayuan dan Semakan Siri 1 bertempat di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) bermula 24 hingga 25 Jun 2019. Objektif kursus kali ini bertujuan memberikan kefahaman kepada para peserta berhubung prosedur pengurusan kes rayuan dan semakan yang diperuntukkan dalam akta/enakmen/arahan amalan. Penceramah bagi kursus kali ini adalah Tuan Abu Suffian bin Abu Yaziz, Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah Negeri Melaka.



## **MESYUARAT PENYELARASAN PENGUKUHAN KAEDAH SULH SELURUH MALAYSIA BIL. 1/2019**

YAA Dato' Dr. Hj. Mohd Na'im bin Hj. Mokhtar, Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM telah dijemput untuk memberikan amanat dan ucapan dalam Mesyuarat Penyelarasan Pengukuhan Kaedah Sulh Seluruh Malaysia Bil 1/2019 di JKSM sebentar tadi. YAA Dato' Dr. dalam ucapannya telah mengingatkan para wakil dari seluruh Malaysia akan peranan JKSM serta JKSN dan MSN negeri-negeri dalam penglibatan di bawah kluster 1: "Perundangan dan Kehakiman". YAA Dato' Dr. juga mengambil peluang untuk berpesan pada ahli-ahli mesyuarat untuk merebut peluang ini untuk berbincang dengan tuntas dan bernas, mempelajari ilmu antara satu sama lain yang ada di negeri masing-masing supaya dapat menghasilkan kaedah yang terbaik untuk semua. Mesyuarat ini antara lain bertujuan mewujudkan kaedah sulh yang seragam antara negeri selain dapat mengelakkan kekeliruan pemahaman terhadap tafsiran kaedah sulh sedia ada. Mesyuarat yang dihadiri oleh Penasihat-Penasihat Undang-Undang Negeri, dan Jawatankuasa Sulh Negeri-Negeri ini berlangsung selama 2 hari bermula 26hb Jun hingga 27hb Jun 2019.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JKSM  
26 JUN 2019




## KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS PEGUAM NEGARA

YAA Dato' Dr. Hj. Mohd Na'im bin Hj. Mokhtar, Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Peguam Negara, YBhg. Tuan Thommy Thomas bertempat di Pejabat Peguam Negara, Putrajaya jam 10.00 pagi tadi. Pertemuan dimulakan dengan ucapan tahniah oleh YBhg. Peguam Negara atas pelantikan YAA Dato' Dr. sebagai Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie yang baharu berkuatkuasa 1 April 2019 yang lalu. Semasa kunjungan hormat ini berlangsung, YAA Dato' Dr. dan YBhg. Peguam Negara berkesempatan bertukar-tukar penjelasan dan pandangan perihal Perlembagan Undang-Undang Syariah dan Sivil, struktur pentadbiran syariah, *'separation of power'* dan lain-lain. YAA Dato' Dr. juga berkesempatan menjelaskan perancangan JKSM untuk mewujudkan mahkamah 4 tier berbanding 3 tier di masa sekarang. YBhg. Peguam Negara menyambut baik perancangan tersebut dan akan memberi sokongan penuh kepada sebarang kolaborasi strategik antara kedua agensi dalam membantu urusan pentadbiran JKSM secara amnya.

YBhg. Peguam Negara juga telah melahirkan hasrat untuk mengadakan pertemuan antara Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM, Ketua Hakim Negara, Jabatan Peguam Negara dan Majlis Peguam Negara (Sivil dan Syariah). Pertemuan yang julung-julung kali akan diadakan tersebut bakal memberikan impak yang tinggi kepada sistem perundangan dan kehakiman negara sebagai satu platform bagi semua pihak berkongsi idea dan pandangan demi kebaikan semua pihak. Kunjungan mesra sebentar tadi telah berlangsung selama 30 minit dan diakhiri dengan pemberian cenderahati dari YAA Dato' Dr. kepada YBhg. Peguam Negara.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JKSM  
25 Jun 2019



## KUNJUNGAN HORMAT WASIYYAH SHOPPE BERHAD KE ATAS KETUA PENGARAH/ KETUA HAKIM SYARIE JKSM

YAA Dato' Dr. Hj. Mohd Na'im bin Hj. Mokhtar, Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM telah menerima satu kunjungan hormat daripada Wasiyyah Shoppe Berhad bertempat di Pejabat Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM pada jam 11.45 pagi tadi. Delegasi Wasiyyah Shoppe terdiri daripada YBhg. Dato' Seri Md Yusup Bin Che Teh (Pengerusi Panel Syariah Wasiyyah Shoppe Berhad), Dr. Hjh Noor Lizza Binti Mohamed Said (Panel Syariah Wasiyyah Shoppe Berhad), Dr. Mohd Zamro Bin Muda (Panel Syariah Wasiyyah Shoppe Berhad), Tuan Hj. Ariffin Bin Sabirin (Pengaroh Eksekutif Wasiyyah Shoppe Berhad) dan Cik Nurul Syaqqinah Binti Ariffin (Eksekutif Perancangan Korporat Wasiyyah Shoppe Berhad).

Tujuan utama kunjungan tersebut adalah bagi memberi sedikit taklimat kepada YAA Dato' Dr. perihal satu sistem pendaftaran pengurusan harta pusaka yang lebih efisien dan sistematik oleh Wasiyyah Group Berhad. Sistem yang merupakan satu inovasi baharu tersebut bakal memudahkan urusan pengurusan harta pusaka dan dapat digunakan dengan meluas oleh agensi-agensi pentadbir harta pusaka serta orang awam. YAA Dato' Dr. menyambut baik cadangan tersebut dan berpendapat bahawa dalam era pemodenan dan globalisasi ini, setiap agensi hendaklah sentiasa proaktif dan berdaya saing dengan perubahan sistem dan teknologi semasa agar tidak ketinggalan.

Ini bersesuaian dengan hasrat YB Menteri di JPM, Datuk Seri Mujahid bin Yusof yang telah memperkenalkan tujuh kluster dalam misi mengangkat Islam di era Malaysia Baharu. Lebih-lebih lagi JKSM sendiri merupakan peneraju kepada Kluster 1 (Perundangan dan Kehakiman) iaitu "Memperkasakan Perundangan Dan Kehakiman Syariah Melalui Reformasi Berterusan Pentadbiran Kehakiman, Penggubalan Undang-Undang Dan Peningkatan Profesionalisme Hakim-Hakim Syarie". Wasiyyah Shoppe berhasrat menjadi organisasi perancangan harta dan pengurusan pusaka patuh Syariah yang utama di Malaysia yang memberikan Perkhidmatan Peribadi (Personalized Service) cemerlang kepada pelanggan dan waris sekaligus membantu waris melalui proses tuntutan harta pusaka dengan pantas pada kos yang paling minima. Justeru, pihak Wasiyyah Shoppe sangat teruja dengan sokongan dan keterbukaan YAA Dato' Dr. dalam memberikan kerjasama dalam pembangunan sistem yang bakal dilaksanakan tersebut.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JKSM  
12 Jun 2019



## ***KUNJUNGAN HORMAT INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA (IKIM) KE ATAS KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE JKSM***

Satu kunjungan hormat daripada Institusi Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) ke atas YAA Dato' Dr. Hj. Mohd Na'im bin Hj. Mokhtar, Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM telah diadakan pada hari ini bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Aras 5, JKSM. Semasa kunjungan hormat tersebut, pihak IKIM telah melahirkan hasrat untuk mengadakan kerjasama dua hala yang lebih menyeluruh dan serius dengan JKSM di masa-masa akan datang. IKIM berharap dapat menggabungkan kepakaran antara kedua-dua agensi bagi menyebarkan lagi ilmu-ilmu berkaitan undang-undang Islam dan perundangan syariah khususnya berkaitan hak-hak wanita, hadhanah dan lain-lain.

YAA Dato' Dr. juga sangat berbesar hati dengan hasrat IKIM tersebut dan turut berharap kolaborasi ini dapat memperkukuhkan hubungan antara kedua agensi disamping dapat bekerjasama menjalankan penyelidikan yang mampu memberi kesan yang positif dan dinamik kepada kepentingan ummah Islam di Malaysia. Pihak IKIM juga turut memberi tawaran untuk menerbitkan sebuah buku berkaitan komplikasi artikel dari sudut pengamal undang-undang di JKSM.

Delegasi IKIM telah diketuai oleh YBhg. Dr. Mohd Zaidi b. Ismail, Timbalan Ketua Pengarah IKIM bersama-sama wakil-wakil lain iaitu YBhg Dr. Mohd Farid b. Mohd Shahrhan (Fellow Utama/Pengarah Pusat Kajian Syariah, Undang-undang dan Politik IKIM), YBrs. Dr. Nik Roskiman b. Abdul Samad (Fellow Kanan Pusat Kajian Syariah, Undang-undang dan Politik IKIM), En. Md. Asham b. Ahmad (Fellow Kanan, Pusat Kajian Syariah, Undang-undang dan Politik IKIM), Pn. Enizahura bt. Abdul Aziz (Fellow, Pusat Kajian Syariah, Undang-undang dan Politik IKIM), En. Mohd Noor b. Omar (Fellow, Pusat Kajian Syariah, Undang-undang dan Politik IKIM), Pn. Siti Shamsiah bt. Md. Supi (Pegawai Penyelidik Kanan, Pusat Kajian Syariah Undang-undang dan Politik IKIM) dan Pn. Wan Zahidah bt. Wan Zainuddin (Pen. Pegawai Perhubungan Korporat, IKIM). Turut hadir sebentar tadi ialah Ketua Pendaftar JKSM dan Pengarah-Pengarah Bahagian JKSM.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JKSM  
25 Jun 2019



## ***KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS KETUA HAKIM NEGARA***

YAA Dato' Dr. Hj. Mohd Na'im bin Hj. Mokhtar, Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM telah mengadakan satu (1) kunjungan hormat ke atas YAA Dato' Tengku Maimun binti Tuan Mat, Ketua Hakim Negara pada jam 2.30 petang bertempat di Istana Kehakiman, Putrajaya. Pertemuan yang julung-julung kali diadakan ini telah berlangsung dalam suasana cukup mesra sambil membincangkan pelbagai isu antaranya bidangkuasa sivil dan syariah, pengurusan kes di Mahkamah Sivil dan lain-lain.

YAA Dato' Dr. juga turut menyuarakan hasrat untuk mengadakan kerjasama dua hala antara kedua-dua institusi dengan mengadakan kursus-kursus kepada para Hakim Syarie dan Unit Rayuan JKSM berkaitan pengurusan kes, taksiran kos dan sebagainya. YAA Dato' Tengku menyambut baik akan cadangan tersebut dan turut mempelawa pegawai-pegawai syariah JKSM untuk hadir dan melihat sendiri bagaimana prosiding Mahkamah Sivil dijalankan.

Turut hadir sebentar tadi ialah YA Dato' Setia Haji Mohd. Zawawi bin Salleh (Hakim Mahkamah Persekutuan), YA Tuan Mohd Amran bin Mat Zain (Hakim Mahkamah Rayuan Syariah),

YA Dato' Haji Mohd Shukor bin Sabudin (Hakim Mahkamah Rayuan Syariah), YA Datuk Haji Mohd Radzi Bin Abd Latif (Hakim Mahkamah Rayuan Syariah), YA Datuk Jasri @ Nasip Bin Mat Jakir (Hakim Mahkamah Rayuan Syariah) dan Puan Hajah Noor Hadina Binti Ahmad Zabidi (Ketua Pendaftar JKSM).

Semoga pertemuan selama sejam ini merupakan satu titik tolak akan perkembangan yang lebih positif dan kukuh terhadap hubungan antara kedua-dua institusi kehakiman sekaligus dapat menaikkan imej sistem perundangan Malaysia di mata masyarakat.

### **UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JKSM**

19 Jun 2019



***KUNJUNGAN HORMAT PRESIDENT'S ADVISOR FOR RELIGIOUS AFFAIRS & ISLAMIC  
RELATION & CHIEF JUSTICE OF THE STATE OF PALESTINE  
KE ATAS KETUA PENGARAH/ KETUA HAKIM SYARIE JKSM***

H.E. Dr. Mahmoud Al-Habash, President's Advisor for Religious Affairs & Islamic Relation & Chief Justice of the State of Palestine telah mengadakan kunjungan hormat ke atas YAA Dato' Dr. Hj. Mohd Na'im bin Hj. Mokhtar, Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM pada jam 12.30 tengahari tadi bertempat di Pejabat Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM, Komplek Islam Putrajaya.

Pertemuan selama sejam tersebut berlangsung dalam suasana penuh mesra sambil berkongsi kisah dan pandangan perihal struktur dan pentadbiran Mahkamah Syariah di Palestin dan Malaysia. Pelbagai idea juga dilontarkan oleh YAA Dato' Dr. sepanjang pertemuan tersebut antaranya berkaitan isu bantuan nafkah selepas berlakunya penceraian melalui Bahagian Sokongan Keluarga (BSK). Selain itu, YAA Dato' Dr. juga telah menjelaskan perihal jenayah-jenayah syariah dan proses-proses perundangan yang dilaksanakan di negara ini.

TYT sangat teruja dengan pertemuan tersebut dan telah berbesar hati agar satu memorandum persefahaman (MOU) antara JKSM dan badan kehakiman Palestin dapat diadakan dalam masa terdekat ini. TYT juga dengan segala hormatnya telah menjemput YAA Dato' untuk melawat Palestin dan Masjidil Aqsa dalam rangka memperkukuhkan lagi hubungan antara kedua-dua agensi dan negara. Turut hadir H.E. Mr. Walid Abu Ali; Palestine Ambassador to Malaysia, Tn. Hj. Mohd Gunawan bin Che Ab Aziz (Pengaroh Bahagian Dasar dan Strategik GIACC) dan rombongan Yayasan MyAQSA. Pertemuan diakhiri dengan penyerahan cenderahati tanda kenangan daripada kedua-kedua pihak dan jamuan makan tengahari.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JKSM  
12 Jun 2019



***KUNJUNGAN HORMAT INTERNATIONAL ACADEMY OF FAMILY LAWYERS (IAFL)  
CAWANGAN MALAYSIA KE ATAS KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE JKSM***

YAA Dato' Dr. Hj. Mohd Na'im bin Hj. Mokhtar, Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM telah dikunjungi oleh dua orang wakil daripada International Academy Of Family Lawyers (IAFL) Cawangan Malaysia bertempat di Pejabat Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM pada jam 2.00 petang tadi. IAFL yang diwakili oleh Mrs. Foo Yet Ngo dan Mrs. Kiran Dhaliwal telah mengambil peluang untuk bertemu dengan YAA Dato' Dr. bagi mendapatkan penerangan berkaitan Sistem Kehakiman Syariah di Malaysia sempena satu siri jemputan 'IAFL Asia Pacific Chapter Meeting' kepada YAA Dato' Dr. di Bangkok pada tahun 2020.

\  
Dalam sesi kunjungan selama sejam sebentar tadi, pihak IAFL juga mendapatkan penjelasan yang lebih lanjut perihal prinsip perundangan di Malaysia, bidangkuasa Mahkamah Syariah, pemakaian konsep 'binding precedent' di Mahkamah Syariah, isu pertembungan bidangkuasa antara Mahkamah Syariah dan Sivil dan banyak lagi.

Pihak IAFL juga turut memberikan taklimat ringkas kepada YAA Dato' Dr. tentang konsep Program 'IAFL Asia Pacific Chapter Meeting' yang bakal diadakan pada tahun hadapan. Untuk makluman semua, YAA Dato' Dr. telah dijemput dalam program tersebut untuk berucap dan memberikan penerangan berkaitan Sistem Kehakiman Syariah di Malaysia kepada para peserta yang merupakan pengamal undang-undang dari seluruh dunia.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JKSM

17 Jun 2019



## **KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI**

YAA Dato' Dr. Hj. Mohd Na'im bin Hj. Mokhtar, Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM telah mengadakan kunjungan hormat ke atas YAB Dato' Seri Dr Wan Azizah binti Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri bertempat di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWKM), Putrajaya jam 9.00 pagi tadi. YAB Dato' Seri yang juga merupakan Menteri KPWKM turut mengambil peluang untuk mengadakan sedikit perbincangan bersama YAA Dato' Dr. berkaitan isu-isu seperti anak tidak sah taraf, perkahwinan bawah umur, nafkah anak, poligami dan lain-lain. YAA Dato' Dr. telah menjelaskan dengan terperinci akan isu-isu yang dibangkitkan dan bagaimana usaha YAA Dato' Dr. untuk memastikan masalah-masalah seumpama tersebut dapat diselesaikan dengan lebih efektif dan proaktif dalam tempoh beliau menerajui JKSM.

Hasrat tersebut juga selari dengan impian YAB Dato' Seri yang mempunyai harapan besar agar nasib anak-anak tidak sah taraf misalnya dapat terbela dan tidak didiskriminasi dari sudut sosial dan masyarakat. Begitu juga dengan penekanan terhadap penguatkuasaan perintah nafkah yang sering dipandang enteng oleh para suami yang tidak bertanggungjawab.

YAB Dato' Seri turut melahirkan rasa gembira atas pelantikan YAA Dato' Dr. sebagai KP/KHS yang baharu yang mana beliau yakin dan percaya YAA Dato' Dr. akan memberikan impak dan perubahan yang besar dalam Sistem Kehakiman Syariah Malaysia sekaligus menjadikan imej Mahkamah Syariah dapat dipertingkatkan dan dipandang tinggi oleh semua lapisan masyarakat. Pertemuan selama 45 minit tersebut berlangsung dalam suasana cukup mesra dan diakhiri dengan penyampaian cenderahati tanda kenang-kenangan.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JKSM  
24 Jun 2019





## **KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT (KPWK)**

YAA Dato' Dr. Hj. Mohd Na'im bin Hj. Mokhtar, Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM telah mengetuai delegasi JKSM dan MSWP sempena kunjungan hormat ke atas YBhg. Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi, Ketua Setiausaha KPWK. Satu perbincangan berkaitan sesi libat urus juga turut diadakan semasa kunjungan hormat ini berlangsung yang mana YAA Dato' Dr. telah berkesempatan menyampaikan taklimat berkaitan "Mahkamah Khusus Hadanah, Nafkah & Penguatkuasaan & Pelaksanaan". YAA Dato' Dr. telah menyatakan bahawa perbincangan libat urus bersama KPWK ini adalah bagi mendapatkan pandangan mengenai kaedah terbaik dalam melaksanakan kes-kes yang melibatkan hadhanah dan nafkah.

Perkara ini ternyata disambut baik oleh YBhg. Datuk KSU demi memastikan pengendalian kes hadhanah dan nafkah ini dapat dipercepatkan proses penyelesaiannya demi kebajikan semua pihak terutamanya pihak anak-anak. Usul dan cadangan YAA Dato' Dr. dan MSWP ini juga ternyata selari dengan hasrat Kerajaan dan NGO-NGO yang kerap melaksanakan program-program melibatkan isu-isu berkaitan literasi undang-undang, pemantapan perkahwinan, kekeluargaan serta pengurusan emosi (bimbingan kaunseling).

Dalam pertemuan itu juga, YBhg. Datuk KSU turut mengucapkan tahniah kepada YAA Dato' Dr. atas pelantikan beliau sebagai KP/KHS JKSM yang baharu. YBhg. Datuk Dr. Rose Lena sangat teruja dan sukacita dengan pelantikan tersebut memandangkan YAA Dato' Dr. sebelum ini telah banyak berjasa dalam menyumbangkan buah fikiran dan idea yang bernas kepada KPWK khususnya dalam isu kekeluargaan, wanita dan kanak-kanak.

Turut hadir ialah YAA Tuan Ibrahim bin Deris (Ketua Hakim Syarie MSWP), YBhg. Datuk Saidatu Akhma binti Hassan (Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita), Tuan Haji Abdul Shukur bin Abdullah (Ketua Pengarah LPPKN), Encik Zulkifli bin Ismail (Ketua Pengarah JKM), Encik Chua Chun Hwa (Setiausaha Bahagian Dasar dan Pembangunan Strategik KPWK) serta YBhg. Ustaz Zamri bin Zainal Abidin; Pegawai Khas (Agama) kepada YAB Timbalan Perdana Menteri.

Syabas kepada kedua-dua agensi dan semoga cadangan ini dapat menjadi satu inovasi dalam memberi solusi terbaik bagi membela nasib wanita dan kanak-kanak.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JKSM  
20 Jun 2019



## ***KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS KETUA POLIS NEGARA***

Satu kunjungan hormat telah diadakan oleh YAA Dato' Dr. Hj. Mohd Na'im bin Hj. Mokhtar, Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie JKSM ke atas Datuk Seri Abdul Hamid Bador, Ketua Polis Negara bertempat di Pejabat Ketua Polis Negara, Bukit Aman jam 9.30 pagi tadi.

Pertemuan yang berlangsung lebih kurang 45 minit tersebut telah dimulakan dengan ucapan tahniah oleh YAA Dato' Dr. kepada YBhg. Datuk Seri atas pelantikan sebagai Ketua Polis Negara yang baharu. YAA Dato' Dr. kemudiannya mengambil peluang membincangkan isu-isu yg melibatkan kepentingan orang awam yg berurusan dengan Mahkamah Syariah khususnya dalam isu penguatkuasaan perintah dan Jenayah Syariah. Perkara ini diambil maklum oleh YBhg. Datuk Seri yang telah melahirkan sokongan dan dokongan penuh terhadap segala langkah-langkah yang akan diambil oleh JKSM bagi mengatasi masalah terbabit.

YBhg. Datuk Seri juga berkesempatan meminta pendapat YAA Dato' Dr. tentang konsep Hadhanah di sisi mahkamah syariah dan kedudukan pematuhan terhadap undang-undang antarabangsa di Malaysia. Kunjungan hormat ini ternyata merupakan satu titik permulaan akan pengukuhan hubungan baik antara JKSM dan PDRM dalam memastikan imej perundangan syariah dapat dipertingkatkan sekaligus nasib-nasib mereka yang teraniaya terbelah.

Turut hadir Pegawai-Pegawai Kanan Bukit Aman.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JKSM

12 Jun 2019



## ***HEBAHAN PROMOSI HARI TERBUKA JKSM TAHUN 2019 DI IKIM FM***

Tarikh: 28 Jun 2019 (Jumaat) Masa: 9.30 pagi hingga 10.00 pagi Tempat : IKIM FM  
Panel: Puan Hajah Noor Hadina binti Ahmad Zabidi, Ketua Pendaftar JKSM.

Semua orang dijemput hadir ke program tersebut pada 4 Julai 2019 (Khamis) bertempat di Blok C, Kompleks Islam Putrajaya Unit Komunikasi Korporat JKSM

